



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 11/2024



SEDIAKAN PAYUNG SEBELUM HUJAN

1 NOVEMBER 2024 \ 29 RABIULAKHIR 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَىٰ الدِّينِ كُلِّهِ
وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ،

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Azzawajalla.

Allah Ta'ala telah berfirman dalam surah Ali Imran ayat 190;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾

Yang bermaksud : *“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal.*

Imam Ibnu Kathir mentafsirkan sesungguhnya kejadian langit dan bumi, ketinggian dan luasannya, bulan dan bintang, lautan dan gunung ganang, tumbuh tumbuhan, buah buahan, binatang-binatang dan kepelbagaiannya merupakan tanda-tanda keagungan Allah bagi orang yang berfikir. Dalam ayat yang lain Allah Subhanahu wa Ta'ala menjelaskan bahawa pergerakan awan dan kejadian hujan, adalah sebahagian daripada tanda kekuasaan-Nya. Firman-Nya dalam Surah an-Nur ayat 43:



أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يُزْجِي سَحَابًا ثُمَّ يُؤَلِّفُ بَيْنَهُ ثُمَّ يَجْعَلُهُ رُكَّامًا فَتَرَى الْوَدْقَ

يَخْرُجُ مِنْ خِلَالِهِ

Yang bermaksud: *“Tidakkah engkau melihat bahawasanya Allah mengarahkan awan bergerak perlahan-lahan, kemudian Dia mengumpulkan kelompok-kelompoknya, kemudian Dia menjadikannya tebal berlapis-lapis? Selepas itu engkau melihat hujan turun dari celah-celahnya.”*

Sidang Jumaat yang dikasihi.

Di sebalik limpahan nikmat yang diberikan oleh Allah Taala terdapat sedikit ujian. Sebagai orang beriman, kita meyakini bahawa setiap musibah dan bencana yang diturunkan kepada manusia termasuk perasaan takut dan kehilangan harta benda adalah sebahagian daripada ujian Allah Azza Wajalla. Ia kadangkala merupakan amaran atau peringatan daripada Allah Azza Wajalla kepada hamba-hamba-Nya yang lalai dan kadangkala bertujuan untuk menghapus dosa-dosa bagi mereka yang bersabar.



Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam Surah al-Baqarah ayat 155:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ

وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِيرٍ لِّلصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾

Yang bermaksud: *“Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan, dan kekurangan daripada harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar.”*

Bencana seperti banjir sering berlaku di negara kita terutamanya pada musim tengkujuh, khususnya pada bulan November, Disember dan Januari. Musim ini sering menimbulkan kerisauan dan kegusaran kepada penduduk di Pantai Timur terutamanya yang berada di kawasan rendah atau berhampiran dengan sungai. Akhir-akhir ini juga kerap kali berlaku di negara kita kejadian banjir yang datang secara mengejut susulan hujan lebat. Fenomena banjir kilat kadangkala melanda kawasan-kawasan bandar dan perumahan sehingga menyebabkan kerosakan harta benda.



Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia, terdapat kemungkinan La Niña akan terbentuk bermula pada bulan Oktober hingga November dan dijangka berterusan sehingga awal tahun hadapan. La Niña biasanya menyebabkan peningkatan hujan dan risiko banjir. Berdasarkan ramalan ini, kita sewajarnya mengambil langkah berjaga-jaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala.

Meskipun kita dituntut untuk bersabar menghadapi ujian termasuk bencana seperti banjir dan lain-lain, kita juga dianjurkan untuk berwaspada dan berikhtiar mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menjaga keselamatan jiwa dan harta benda kita. Antara langkah yang disarankan bagi menghadapi bencana adalah menyimpan bekalan asas seperti makanan, air bersih, ubat-ubatan, dokumen penting dan lampu suluh. Kita hendaklah sentiasa mendapatkan maklumat berkenaan keadaan cuaca dan peka dengan arahan pihak berkuasa. Jika kawasan tempat tinggal kita kerap dilanda banjir, buatlah perancangan untuk berpindah lebih awal demi keselamatan diri dan ahli keluarga.



Bagi mereka yang tidak terkesan dengan banjir, menjadi tanggungjawab kita sebagai saudara seIslam untuk menghulurkan bantuan bagi meringankan bebanan mangsa-mangsa yang terjejas. Negara kita pernah menyaksikan beberapa episod kejadian banjir besar yang memaksa puluhan ribu penduduk terpaksa berpindah dan ada juga nyawa yang terkorban kerana lemas. Ada yang terkandas berhari-hari di atas bumbung rumah kerana tidak sempat berpindah. Selain itu, wabak penyakit akibat bakteria, virus dan parasit juga mudah menular.

Selain banjir, satu lagi bencana yang kerap berlaku akhir-akhir ini sehingga meragut nyawa adalah fenomena kepala air dan ombak besar yang datang secara tiba-tiba terutamanya di kawasan perkelahan, air terjun, sungai dan laut. Sebagai langkah berjaga-jaga, kita dinasihatkan supaya menjauhi aktiviti seperti mandi, berkelah atau memancing buat seketika terutamanya pada musim hujan.

Khatib ingin menegaskan agar kita semua sentiasa bertaubat dan terus memohon perlindungan daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala daripada sebarang bencana, termasuk banjir. Perbanyakkan doa dan amalan soleh, kerana dengan rahmat Allah, kita akan selamat daripada segala bahaya. Semoga Allah memberi kekuatan



kepada kita untuk menghadapi ujian-Nya dengan sabar dan tawakal.

Sidang Jumaat yang dikasihi

Daripada khutbah pada hari ini dapatlah disimpulkan bahawa:

Pertama, bencana atau musibah seperti banjir adalah sebahagian ujian daripada Allah Azza wa Jalla kepada hamba-hamba-Nya yang beriman.

Kedua, kita hendaklah sentiasa berikhtiar dengan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk keselamatan diri, ahli keluarga dan harta benda.

Ketiga, kita perlu bermuhasabah dengan sentiasa bertaubat dan melakukan amal soleh supaya dijauhkan daripada segala bencana.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾



Yang bermaksud : “(Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ
 آيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
 الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
 الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
 الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.